



Seminar Kepimpinan Muda 2015

Seminar Kepimpinan Muda 2015 bertemakan “Merai Perbezaan, Mencari Persamaan” telah diadakan pada 27 Oktober 2015 bertempat di Dewan Jubli Perak, INTAN Wilayah Utara. Tema ini membawa makna dalam generasi yang pelbagai, iaitu Generasi *Baby Boomer*, Generasi X, Generasi Y dan Generasi Z yang menghuraikan tentang karenah, percanggahan pendapat serta corak pemikiran dan cara bertindak. Justeru, dalam kepelbagaian generasi ini, diambil nilai positif dan kekuatan yang ada untuk memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.



Dato' Dr. Mazlan Yusoff menyampaikan ucapan

Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 160 penjawat awam pelbagai jabatan dari Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN Malaysia. Sesi perkongsian ilmu telah menampilkan YBhg. Profesor Dato' Dr. Haji Mat Saat bin Baki, Pakar Psikologi Hospital Pantai, Kuala Lumpur yang membincangkan tentang Kepelbagaian Generasi: Satu Keistimewaan Dalam Perkhidmatan Awam. Manakala sesi

perbincangan yang menentang tajuk Kepelbagaian Generasi: Memperkasakan Perhubungan Inter-Generasi telah menampilkan tiga orang panel iaitu Dr. Salmi Mohd Isa, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia, Ustaz Muhammad Syaari Ab. Rahman, Pengarah Urusan *Ibrah Paradigm Training & Consultancy*, dan Encik Azmil Abrar, Pengurus Pembangunan dan Kawalan Kandungan, TV Al-Hijrah. Dr. Zurina Abdul Hamid, Pengarah INTAN Wilayah Utara pula bertindak selaku moderator.



Perkongsian ilmu bersama Profesor Dato' Dr. Haji Mat Saat Baki

Program ini diharap dapat dijadikan wadah perkongsian ilmu untuk menguruskan keseluruhan sumber modal insan yang terdiri daripada pelbagai generasi dalam perkhidmatan awam dan dapat mengenal pasti kekuatan dan peluang yang ada bagi memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.



Dr. Zurina selaku moderator kepada tiga panel jemputan

iLEAD Fasilitator Team Power

iLEAD Fasilitator Team Power telah diadakan di Lost World of Tambun pada 30 September hingga 2 Oktober 2015. Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada fasilitator iLEAD-PARK INTAN Wilayah Utara (INTURA) telah menjayakan kursus ini. Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan mencabar ketahanan fizikal, emosi dan mental para peserta. Para peserta didedahkan dengan aktiviti air dan aktiviti pengendalian tali aras tinggi. Semua peserta telah berjaya mengharungi cabaran yang disediakan dan rata-ratanya begitu teruja untuk melakukan aktiviti tersebut. Semoga pendedahan dan pengalaman yang ditimba dapat diterapkan dalam aktiviti di INTURA pula nanti.



Para peserta siap sedia untuk menjalankan aktiviti

6 Topics to Avoid Discussing at Work

There are some conversations that don't belong in the workplace. Certain topics could make things awkward and even unpleasant for you and for your coworkers. You should always, for example, stay away from discussions that may become fodder for the office grapevine with you as the main focus. You should also avoid revealing personal information that might negatively influence the perceptions others have about your ability to do your job effectively. Discussing controversial subjects can also get you into trouble with your coworkers. Here are six topics you should seriously consider crossing off your "things to discuss with my coworkers" list. Safe topics, if you were wondering, include movies, music and food (especially if you bring some into share).

1. Religion

You shouldn't discuss your religious beliefs or your thoughts about other religious beliefs at work. This doesn't mean you should hide your religion or shouldn't be proud of it, but it is a very personal issue and people are often sensitive about it. They don't want to hear that you disagree with their religious beliefs or that you believe your religion is the one in which everyone should believe.

2. Politics

People are also very sensitive about their political beliefs and therefore you should avoid getting into lengthy conversations about politics. While you may feel very strongly about your party or candidate, or have negative views about the opposition, you should not try to win your coworkers over to your side. It is unlikely to happen anyway and will just cause hard feelings between you and them.

3. Your Sex Life

Why shouldn't you talk about your sex life? Simply because it's no one's business other than yours and your partner's. Other than that, it makes people uncomfortable. Taken to the extreme, it may even border on sexual harassment. If you

need to confide in someone other than your partner, a good friend will have to do.

4. Problems With Your Spouse, Your Children or Your Parents

When you discuss problems you are having at home, your coworkers and your boss may wonder if they are distracting you from doing your job. It will also reveal your weaknesses which can undermine your authority with your subordinates, if you have any. In addition, it will feed the rumor mill, making you the subject of workplace gossip. That is something you surely don't want to be.

5. Your Career Aspirations


You may consider your current job a steppingstone to bigger and better things. That's great but talking about your ambitions will certainly, for good reason, make your boss and coworkers question your loyalty. If you are interested in moving up within your current organization, your actions will speak for themselves. You should do your job exceptionally well, and of course, let your boss know you want to move up. Just don't make it the topic of workplace conversations with anyone who will listen. If your plans for the future include leaving your current place of employment in order to advance it isn't necessary to announce that until you are ready to make your move.

6. Your Health Problems


If you have a chronic illness, don't dwell on it too much at work. Doing so will give your coworkers and boss reason to wonder if your condition will keep you from doing your job. If you have a serious health issue that will cause you to take leave from work, you must discuss it with your employer, but you are not required to provide details.

Extract from <http://www.about.com>


Bahan Bacaan Pilihan Bulan September



Buku ini mengupas tentang seni dan gaya memimpin yang berpengaruh serta berkesan. Kaedah yang ditonjolkan sesuai untuk dipraktikkan oleh seluruh peringkat kepimpinan, tidak kira dalam apa-apa bidang atau organisasi. Penerangan yang jelas dan santai memudahkan pembaca memahami mesej yang mahu disampaikan seterusnya memberi impak positif kepada hasil kerja seharian.



Edisi baharu buku ini membimbing pemimpin dalam membantu organisasi untuk berkembang. Penekanan diberikan kepada mentor yang bertindak sebagai pemangkin pembelajaran dengan protégé dan bukan hanya sekadar memberikan pengetahuan. Bab baru meliputi topik-topik seperti peranan mentor dalam memacu inovasi dan menyebarkan serta membiasakan tenaga kerja kepada interaksi secara digital.



Buku ini akan membantu anda untuk membuka kunci misteri otak. Pembaca akan belajar bagaimana otak berkomunikasi dengan setiap bahagian badan, bagaimana ia memberi kesan kepada kehidupan emosi, mengapa anda impikan sesuatu dan bagaimana anda ingat sesuatu. Buku ini juga membongkar perihal gangguan otak dan bagaimana sains dan perubatan sedang berusaha untuk menyembuhkannya.

SEKITAR SEMINAR KEPIMPINAN MUDA



iLEAD FASILITATOR TEAM POWER

EN. RIDZUAN BEGITU TERUJA NAMPAKNYA..
MACAM ABANG SULUNG JAGA ADIK-ADIK



ALAMAKKK!!!...
MATI LA NAKKK

ISH...TAK CONFIDENT
AKU DALAM AYAQ
NIH... MACAM NAK
PATAH BALIK JA..



AISEH...CAMNA
NAK TURUN NIH?



WIRA-WIRA INTURA

Hadis Pilihan

Fadhilat Puasa Asyura

Hadis

Dari Abu Qatadah al-Anshari r.a. katanya: Rasulullah SAW. ditanya orang tentang puasa hari Arafah (9 Zulhijjah). Jawab baginda, "Semoga dapat menghapus dosa tahun yang lalu dan yang akan datang". Kemudian Nabi ditanya pula tentang puasa hari asyura (10 Muharram). Jawab baginda, "Semoga dapat menghapuskan dosa tahun yang lalu".

Huraian

Allah memberikan kita nikmat yang tidak terbilang banyaknya. Hal ini termasuklah peluang-peluang melakukan amal ibadat yang diganjar dengan pahala

yang berlipat kali ganda berbanding dengan amalan-amalan yang dilakukan pada waktu-waktu biasa. Contohnya Allah memuliakan bulan Muharram dan menggalakkan kita berpuasa sunat. Peluang ini mungkin dipandang remeh bagi orang yang tidak mengetahui akan kelebihan yang ada padanya tetapi hakikatnya itulah nilai yang menentukan sejauh manakah kepekaan seseorang Muslim itu dalam mencari keredhaan Allah SWT dengan cara yang terbaik iaitu ia tidak mensia-siakan nikmat sihat dan kelapangan waktu yang dikurniakan padanya kerana apabila seseorang itu sudah ditimpa sakit ataupun sibuk barulah mereka terasa akan kekurangan diri dalam mempersiapkan bekalan di hari akhirat kelak. Oleh itu marilah kita bersama-sama menyahut seruan Rasulullah ini mudah-mudahan ketakwaan kita kepada Allah SWT semakin meningkat.

Sumber: JAKIM

Tahukah Anda

Bubur Asyura ialah bubur yang dibuat dengan pelbagai campuran ramuan pada 10 Muharram iaitu pada Hari Asyura. Ia juga dikenali sebagai **sugha**.

Bubur Asyura mesti mempunyai 10 jenis ramuan, jikalau lebih atau kurang, maka bubur tersebut bukan Bubur Asyura. Setiap negeri, terutama negeri-negeri di semenanjung Malaysia, mempunyai Bubur Asyura yang berlainan rasa dan ramuan. Hal ini, menyebabkan pelbagai cara untuk membuat Bubur Asyura.

Sumber: www.wikipedia.com

Kursus Sepanjang November 2015

KURSUS BERJADUAL

1. Kursus Kecemerlangan Organisasi/ Jabatan-MDKP
02/11/2015 hingga
05/11/2015
2. Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkualiti
02/11/2015 hingga
05/11/2015
3. Kursus Kecemerlangan Pasukan P&P
23/11/2015 hingga 26/11/2015



SEMINAR/ KURSUS KHAS


1. Advanced Leadership and Management Programme
14/11/2015 hingga 18/11/2015
2. Bengkel Perancangan Strategik 2016
08/11/2015 hingga 09/11/2015

1 Sentiasa Di Hadapan

Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Fax : 04-4214489

 www.intanbk.intan.my/intura

 maklumbalas@intura.intan.my

 INTAN Kampus Wilayah Utara

Untuk pertanyaan kursus hubungi : **Setiausaha Kursus**

04-4218321

samb. **238** (En. Zamri b. Mohd Noor/Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)